

## Maklumat Komoditi : Betik

### Sistem Pembajaan

#### Cara Pembajaan

Pembajaan betik boleh dilakukan sama ada secara menabur atau poket (4-6 poket/pokok) di bawah kanopi iaitu kira – kira 30 – 45 cm dari pangkal pokok sebanyak 3 – 4 kali setahun. Selepas pembajaan, baja hendaklah ditutup atau ditimbus balik bagi mengurangkan kehilangan baja melalui larut resap, pemelupuan dan larian air permukaan.

#### Kekurangan Unsur Boron

Boron merupakan unsur nutrien mikro yang paling diperlukan untuk tumbesaran tanaman betik. Tanda-tanda awal kekurangan nutrien ini ialah buah betik menunjukkan tanda-tanda bengkak. Pada keadaan teruk buah yang bengkak ini akan mengeluarkan getah dan pada keadaan ini daun-daun muda menjadi cacat, kering dan mati. Jika kekurangan zat boron ini berlaku, pemulihan awal boleh dilakukan dengan menyembur baja Borax (0.25%) pada daun betik dua minggu sekali. Pemulihan jangka panjang perlu dilakukan dengan memberi baja sebatian yang mengandungi unsur boron dengan kadar 1-5 gm/pokok.